



## **SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**CADANGAN UNTUK PENENTUAN SUATU SENARAI PERKHIDMATAN  
APLIKASI DIKEHENDAKI DAN KELAS PEMBERI PERKHIDMATAN YANG  
MEMBERI PERKHIDMATAN TERSEBUT DI BAWAH SEKSYEN-SEKSYEN 192  
DAN 193 AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**

**KERTAS RUNDINGAN**

**14 Jun 2002**

## PRAKATA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") mempelawa mana-mana pihak untuk menghantar ulasan bertulis mengenai isu-isu yang diketengahkan dalam Kertas Rundingan ("kertas tersebut") ini atau sebarang isu yang relevan dengannya dalam bentuk **cetak** atau **elektronik** sebelum **jam 12 tengahari pada 15 Julai 2002** kepada:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Aras 11, Menara Dato' Onn,  
Pusat Dagangan Dunia Putra,  
45, Jalan Tun Ismail  
50480 KUALA LUMPUR

Untuk Perhatian: Cik Shafarina Saleh  
Bahagian Pembangunan Industri

Telefon +60 3 4047 7000  
Faksimili: +60 3 2693 4881  
E-mel: ras@cmc.gov.my

Di dalam memenuhi proses perundingan yang telus dan tegap, Suruhanjaya boleh menerbitkan ulasan yang diterima. Segala maklumat komersil yang sensitif haruslah dikepilkan di dalam sampul yang berasingan dan diterakan "**Sulit**".

Suruhanjaya berterima kasih kepada mereka yang memberikan maklumbalas dalam proses rundingan ini.

## SUSUNAN KANDUNGAN

PRAKATA.....	2
SUSUNAN KANDUNGAN.....	3
BAB 1: SINGKATAN.....	4
Singkatan.....	4
BAB 2: PENGENALAN.....	5
BAB 3: LATARBELAKANG.....	6
Senarai PAD seperti yang dikehendaki di bawah AKM.....	6
Kedudukan sebelum PAD di bawah AKM ditentukan.....	7
Perkhidmatan panggilan kecemasan awam.....	7
Perkhidmatan maklumat direktori.....	8
Perkhidmatan bantuan operator.....	8
Perkhidmatan seperti PAD di negara-negara lain.....	9
BAB 4: CADANGAN SENARAI PAD DAN KELAS-KELAS PPR.....	10
Apa yang sepatutnya dimasukkan di dalam senarai PAD?.....	10
Perkhidmatan kecemasan.....	10
Perkhidmatan bantuan direktori.....	10
Perkhidmatan bantuan operator.....	11
Perkhidmatan bagi Pengguna Tak Upaya.....	11
Siapakah perlu menyediakan PAD?.....	12
BAB 5: CADANGAN MENGENAI PRINSIP-PRINSIP BERKENAAN DENGAN PEMBERIAN PAD.....	13
Waktu operasi.....	13
Mutu perkhidmatan.....	13
Layanan tidak berbelah bahagi.....	13
Kesedaran.....	13
Akses.....	13
Caj.....	14
Nombor-Nombor Kecemasan.....	14
Rangkaian Pengkalan Data Nombor Awam.....	14
Kos Pelaksanaan.....	14
Lampiran A.....	16
Bagaimana PAD Berfungsi didalam Persekitaran AKM – Rekabentuk Am PAD.....	16
Lampiran B.....	17
Kedudukan Perkhidmatan yang diberikan di Malaysia sebelum AKM.....	17
Lampiran C.....	18
Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki (PAD) Semasa di Negara-Negara yang Terpilih.....	18

## **BAB 1: SINGKATAN**

### **Singkatan**

PPA	Pemberi perkhidmatan aplikasi
AKM	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
PPR	Pemberi perkhidmatan rangkaian
PAD	Perkhidmatan aplikasi dikehendaki

## **BAB 2:        PENGENALAN**

1.     AKM memperuntukkan bahawa PAD adalah salah satu daripada perkhidmatan yang wajib disediakan oleh sesuatu kelas PPR. Perkhidmatan tersebut adalah perlu kerana ianya merupakan asas bagi membantu para pengguna menggunakan perkhidmatan aplikasi dan rangkaian yang disediakan.
2.     Seksyen 192 AKM menyatakan bahawa Menteri boleh menentukan senarai PAD. Subseksyen 192(2) pula menyatakan senarai tersebut boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
  - a.    Perkhidmatan kecemasan;
  - b.    Perkhidmatan bantuan direktori;
  - c.    Perkhidmatan bantuan operator; dan
  - d.    Perkhidmatan bagi pengguna tak upaya.
3.     Subseksyen 193(1) juga menyatakan bahawa Menteri boleh menentukan sesuatu kelas PPR yang hendaklah memberi apa-apa atau kesemua perkhidmatan aplikasi dalam senarai PAD.
4.     Subseksyen 193(2) pula memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengarahkan mana-mana kelas PPR yang memberikan perkhidmatan rangkaian supaya memberikan PAD yang telah ditentukan oleh Menteri. Seksyen 194 seterusnya memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk memberi dan menetapkan bagaimana PAD sepatutnya dikendalikan.
5.     Kertas ini adalah rangka kerja bagi PAD untuk pertimbangan Menteri sebelum beliau membuat penentuan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen 192 dan 193.
6.     Kertas rundingan ini mengambilkira perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh PPR di luar Malaysia. Selain daripada itu, kertas ini juga mengandungi maklumat mengenai perkhidmatan seperti PAD yang pada masakini terdapat di Malaysia.

### **BAB 3: LATARBELAKANG**

#### **Senarai PAD seperti yang dikehendaki di bawah AKM**

7. Seksyen 192(2) AKM memperuntukkan bahawa senarai PAD boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
  - a. Perkhidmatan kecemasan;
  - b. Perkhidmatan bantuan direktori;
  - c. Perkhidmatan bantuan operator; dan
  - d. Perkhidmatan bagi pengguna tak upaya
  
8. PAD bukanlah perkhidmatan yang baru kerana perkhidmatan yang sama diwajibkan pada masa lalu. Perkhidmatan-perkhidmatan ini dianggap sebagai perkhidmatan perlu dan penting untuk membantu para pengguna dalam penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian dan aplikasi. Lazimnya, perkhidmatan-perkhidmatan ini memberi bantuan kepada pengguna, berkaitan dengan—
  - a. Keselamatan awam, contohnya semasa kecemasan;
  - b. Bantuan direktori bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan nombor dan/atau alamat-alamat pengguna lain; dan
  - c. Bantuan operator untuk pengguna melaporkan kerosakan atau mengenai masalah perkhidmatan;
  - d. Bantuan bagi pengguna tak upaya.
  
9. Selain daripada itu, Suruhanjaya juga mendapati bahawa capaian kepada kemudahan rangkaian terkawal dan perkhidmatan rangkaian dan juga pangkalan-pangkalan data berkaitan adalah mustahak bagi memberi atau menyokong PAD dengan lebih cekap dan berkesan.
  
10. Menteri boleh menentukan kelas-kelas PPR yang hendaklah menyediakan apa-apa atau kesemua perkhidmatan aplikasi dalam senarai PAD. **Lampiran A** memberi gambaran mengenai bagaimana PAD sepatutnya berfungsi menurut AKM.

## **Kedudukan sebelum PAD di bawah AKM ditentukan**

11. Semua pemegang-pemegang lesen rangkaian domestik dan perkhidmatan bergerak bersel yang telah diberikan lesen di bawah Akta Telekomunikasi 1950 telah dikehendaki untuk menyediakan perkhidmatan panggilan kecemasan awam, perkhidmatan maklumat direktori dan perkhidmatan bantuan operator menurut syarat-syarat lesen yang diberi – maklumat lanjut adalah seperti yang tersebut di bawah:

### **Perkhidmatan panggilan kecemasan awam**

- 11.1 Pemegang lesen dikehendaki menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang mana sesiapa sahaja, tidak kira masa dan tanpa dikenakan bayaran melalui apa jua radas telekomunikasi yang bersambung dengan rangkaian pemegang lesen di mana-mana kawasan yang di lesenkan di mana berkebolehan memancar dan menerima perkhidmatan dua hala tidak terhad, dapat berhubung secara pantas dan praktikal dengan mana-mana badan kecemasan bagi tujuan pemberitahuan kecemasan.
- 11.2 Badan kecemasan seperti yang tersebut di atas termasuk polis, bomba dan ambulan dan juga mana badan-badan yang menyediakan perkhidmatan kecemasan untuk pihak awam.
- 11.3 Radas telekomunikasi yang dinyatakan di perenggan 11.1 di atas hendaklah berupaya untuk:
  - a. Memancar untuk penyampaian melalui signal khusus rangkaian pemegang lesen yang ditentukan oleh pemegang lesen bagi tujuan menjalinkan perhubungan dengan radas telefoni suara yang dikawal oleh badan-badan kecemasan; dan
  - b. Pemancaran dan penerimaan percakapan tidak tergendala dua-hala dan serentak, bagi tujuan penyampaian melalui rangkaian pemegang lesen.

11.4 Panggilan kecemasan disalurkan terus kepada badan-badan kecemasan atau kepada operator yang telah disediakan oleh pemegang lesen rangkaian domestik. Walaubagaimanapun, semakin banyak panggilan kecemasan diambil terus oleh badan-badan kecemasan.

11.5 Telekom Malaysia Berhad ("TMB") juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan, terdesak dan keselamatan untuk kapal laut selaras dengan *Radio Regulations of the International Telecommunication Union*.

#### **Perkhidmatan maklumat direktori**

11.6 Pemegang lesen dikehendaki menyediakan perkhidmatan maklumat direktori kepada sesiapa sahaja yang bertujuan menggunakan perkhidmatan tersebut.

11.7 Orang awam boleh membuat pertanyaan mengenai nombor pelanggan TMB dengan mendail nombor 103. Perkhidmatan in disediakan oleh TMB.

11.8 Pertanyaan direktori boleh dibuat secara terus melalui internet.

#### **Perkhidmatan bantuan operator**

12. Terdapat lebih kurang 10 jenis perkhidmatan di bawah kategori ini. Pada amnya kategori perkhidmatan ini memberikan pelbagai jenis bantuan kepada pengguna melalui bantuan operator. Sebagai contoh, bantuan operator bagi panggilan domestik (101), bantuan operator bagi panggilan antarabangsa (108), laporan kerosakan dan kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan (100 untuk telefon dan 1061 untuk data) dan juga pertanyaan am dan maklumat (102). Contoh bagi perkhidmatan bergerak bersel termasuk khidmat bantuan pengguna (123 / 1-300 / nombor telefon bimbit), kerosakan (1202 / 1-800) dan laporan kecurian kad dan telefon.

(Sila rujuk **Lampiran B** untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan di atas.).



### **Perkhidmatan seperti PAD di negara-negara lain**

13. Senarai PAD seperti yang dinyatakan di atas juga disediakan, di dalam bentuk yang berbeza di Australia, New Zealand, Canada, USA dan UK.

(Sila rujuk **Lampiran C** untuk maklumat lanjut.)

## **BAB 4: CADANGAN SENARAI PAD DAN KELAS-KELAS PPR**

### **Apa yang sepatutnya dimasukkan di dalam senarai PAD?**

14. Suruhanjaya mencadangkan bahawa senarai PAD ini sekurang-kurangnya merangkumi perkhidmatan kecemasan, perkhidmatan bantuan direktori dan perkhidmatan bantuan operator. Suruhanjaya juga akan mengambil kira cadangan pihak-pihak lain mengenai perkhidmatan untuk pengguna tak upaya dan lain-lain perkhidmatan yang relevan.

#### **Perkhidmatan kecemasan**

- 14.1 Pengendalian atau penyaluran panggilan kecemasan mestilah diutamakan.  
<sup>2</sup>Posisi penerimaan panggilan kecemasan yang dikendalikan oleh PPR hendaklah menyalurkan maklumat kecemasan tersebut kepada badan-badan kecemasan yang berkaitan seperti:

- a. Polis;
- b. Bomba;
- c. Ambulan; atau
- d. <sup>1</sup>Jabatan Alam Sekitar

- 14.2 Adakalanya, penyediaan perkhidmatan kecemasan ini memerlukan capaian kepada kemudahan rangkaian terkawal, perkhidmatan rangkaian dan pengkalan-pengkalan data yang berkaitan di mana ianya perlu bagi membolehkan penyaluran yang lebih cekap dan berkesan kepada posisi penerimaan panggilan berkaitan.

#### **Perkhidmatan bantuan direktori**

- 14.3 Perkhidmatan bantuan direktori mestilah disediakan di mana seorang pengguna boleh mendapatkan nombor talian pengguna yang lain dengan bantuan operator ataupun secara automatik. Perkhidmatan ini akan memerlukan akses kepada pengkalan-pengkalan data milik pemberi perkhidmatan yang berkenaan untuk membolehkan operator mendapatkan nombor-nombor telefon pengguna.

---

<sup>1</sup> Jabatan Alam Sekitar adalah badan yang bertanggungjawab dalam hal pengawasan alam sekitar dan juga kecemasan seperti pembakaran terbuka, pencemaran bunyi, udara dan juga air, banjir dan lain-lain

<sup>2</sup> Posisi penerimaan panggilan termasuk operator

14.4 Perkhidmatan bantuan direktori mungkin memerlukan sesuatu PPR untuk memberikan kebenaran kepada PPR yang lain untuk mengakses maklumat yang terdapat di pengkalan data miliknya bagi memudahkan pertanyaan.

#### **Perkhidmatan bantuan operator**

14.5 Perkhidmatan bantuan operator adalah perkhidmatan di mana pengguna boleh mendapatkan bantuan daripada operator dengan cara mendail sesuatu kod atau nombor tertentu. Jenis-jenis perkhidmatan bantuan operator yang mesti disediakan samaada apa-apa atau kesemua:

- a. Mendapat bantuan bagi kesukaran untuk mengakses sesuatu perkhidmatan;
- b. Khidmat bantuan bagi sambungan untuk panggilan domestik dan antarabangsa;
- c. Laporan kerosakan dan penerimaan aduan; dan
- d. Pertanyaan am dan maklumat tentang perkhidmatan rangkaian tersebut.

14.6 PPR memberi penyaluran panggilan kepada posisi penerimaan panggilan untuk memberi bantuan kepada para pengguna.

#### **Perkhidmatan bagi <sup>3</sup>Pengguna Tak Upaya**

14.7 Suruhanjaya berpendapat bahawa perkhidmatan di bawah kategori ini bertujuan untuk memudahkan pengguna-pengguna tak upaya menggunakan perkhidmatan aplikasi. Kelengkapan pelanggan adalah penting di dalam memberi kemudahan yang berpatutan bagi membantu pengguna tak upaya untuk menggunakan perkhidmatan aplikasi.

Memandangkan terdapat beberapa isu, perkhidmatan bagi pengguna tak upaya belum dapat disenaraikan sebagai PAD. Walaubagaimanapun, PPR adalah digalakkan untuk memberi perkhidmatan tersebut lebih-lebih lagi jika ada permintaan khas daripada kumpulan-kumpulan pengguna tak upaya.

---

<sup>3</sup> Pengguna Tak Upaya - Seseorang yang tidak berkeupayaan dari secara fizikal atau mental yang mana boleh menghadkan satu atau semua aktiviti kehidupan normal. Definasi tak upaya termasuklah individu yang mempunyai fungsi terhad dari segi pendengaran, penglihatan, pergerakan, pertuturan atau tafsiran makluma

Suruhanjaya bersama-sama dengan mereka yang berkenaan, akan berbincang bagi mengatasi cabaran ini dan menyemak semula senarai PAD pada masa akan datang.

#### **Soalan A**

- a. ***Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan mengenai perkhidmatan aplikasi yang tersenarai di dalam perenggan 14 di atas DAN apa-apa aplikasi tambahan yang boleh di pertimbangkan di bawah senarai PAD;***
- b. ***Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan mengenai perenggan 14.7, terutamanya jenis-jenis perkhidmatan yang boleh disediakan bagi pengguna tak upaya;***
- c. ***Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan mengenai apa-apa jenis maklumat pengguna yang boleh diberikan oleh operator PPR kepada pemanggil di bawah Perkhidmatan Bantuan Direktori.***

#### **Siapakah perlu menyediakan PAD?**

15. Seksyen 193(1) AKM menyatakan bahawa Menteri boleh menentukan kelas-kelas PPR yang hendaklah menyediakan apa-apa atau kesemua perkhidmatan aplikasi dalam senarai PAD.
16. Suruhanjaya mencadangkan agar semua pemegang lesen PPR (Individu) diwajibkan untuk menyediakan sebahagian atau semua perkhidmatan di dalam senarai PAD seperti di atas.

#### **Soalan B**

***Suruhanjaya meminta ulasan mengenai cadangan bahawa semua PPR (Individu) menyediakan apa-apa atau kesemua perkhidmatan di dalam senarai PAD.***

## **BAB 5: CADANGAN MENGENAI PRINSIP-PRINSIP BERKENAAN DENGAN PEMBERIAN PAD**

### **Waktu operasi**

17. PAD hendaklah disediakan pada setiap masa (24 jam sehari selama 7 hari seminggu).

### **Mutu perkhidmatan**

18. Mutu PAD yang disediakan hendaklah selaras dengan mutu perkhidmatan rangkaian yang diberikan. Keutamaan bagi penyaluran panggilan kecemasan hendaklah diberikan jika perkhidmatan rangkaian boleh menyokong perkhidmatan tersebut. Sambungan terakhir dan juga tindakbalas yang cepat dan tepat juga adalah asas yang penting terutamanya bagi PAD yang dibantu oleh operator dan kakitangan posisi penerimaan panggilan untuk menjawab panggilan kecemasan.
19. Keutamaan pembaikan kerosakan perkhidmatan

Sebarang kerosakan atau kegagalan perkhidmatan rangkaian yang boleh menyebabkan gangguan, penangguhan atau sekatan perkhidmatan komunikasi dibawah perkhidmatan rangkaian hendaklah di baiki secepat yang mungkin selaras dengan kod pengguna ataupun apa-apa standard yang berkuatkuasa.

### **Layanan tidak berbelah bahagi**

20. PPR tidak seharusnya memberi layanan yang berbelah bahagi atau melaksanakan diskriminasi terhadap seseorang berdasarkan kelas atau paras rupa terutamanya pelanggan-pelanggan luar bandar, sama ada daripada segi bayaran ataupun syarat-syarat yang dikenakan atau sebaliknya. Peraturan ini juga meliputi sambungan panggilan di antara PPR kepada PPR yang lain. Pada amnya, PAD hendaklah disediakan kepada sesiapa jua tidak kira tempat, tanpa prasangka dan diskriminasi.

### **Kesedaran**

21. Apabila PAD telah dilaksanakan, pihak PPR hendaklah melaksanakan program untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna mengenai PAD.

### **Akses**

22. Semua pengguna yang mempunyai akses kepada perkhidmatan applikasi dan rangkaian seharusnya mendapatkan akses kepada perkhidmatan kecemasan

walaupun perkhidmatan tersebut telah diberhentikan disebabkan oleh pembayaran bil tidak dilunaskan.

### ***Caj***

23. PPR tidak boleh mengenakan apa-apa bayaran untuk perkhidmatan bantuan operator untuk laporan kerosakan.

### ***Nombor-Nombor Kecemasan***

24. Nombor-nombor untuk semua panggilan kecemasan hendaklah diselaraskan. Nombor-nombor kecemasan seperti 999, 991, 992, 994 dan 112 seharusnya digantikan dengan satu nombor kecemasan sahaja. Negara-negara seperti Sweden dan Australia telah menggunakan kaedah ini di mana satu nombor kecemasan digunakan untuk kedua-dua perkhidmatan rangkaian telefoni bersuis awam dan perkhidmatan bergerak bersel.
25. Masa adalah penting, terutamanya sewaktu kecemasan. Oleh yang sedemikian, PPR adalah digalakkan membuat penyelidikan mengenai cara untuk mengenal pasti tempat dimana panggilan dibuat supaya agensi khidmat kecemasan boleh mengesan lokasi si pemanggil.

### ***Rangkaian Pengkalan Data Nombor Awam***

26. Pemberi perkhidmatan adalah digalakkan memulakan kerja untuk membangunkan pengkalan data am atau rangkaian pengkalan data supaya pelanggan boleh membuat pertanyaan mengenai pelanggan pemberi perkhidmatan yang lain dengan hanya menghubungi operator atau kakitangan khidmat pelanggan milik pemberi perkhidmatannya.

### ***Kos Pelaksanaan***


27. Semua kos yang berkenaan dengan pelaksanaan PAD hendaklah ditanggung oleh PPR.

### **Soalan C**

- a. Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan mengenai kesesuaian dasar yang disebutkan di atas di dalam pelaksanaan PAD. Selain daripada itu, kami juga mengalu-alukan dasar-dasar tambahan yang seharusnya dititikberatkan bagi pelaksanaan PAD;**
- b. Bagi perenggan 23, Suruhanjaya meminta ulasan mengenai cadangannya bahawa bantuan operator untuk laporan kerosakan diberi tanpa dikenakan apa-apa bayaran;**
- c. Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan bagi perenggan 24 mengenai cadangannya untuk menggunakan hanya satu nombor bagi panggilan kecemasan;**
- d. Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan yang diketengahkan didalam perenggan 25 mengenai kebolehan PPR untuk menyediakan kemudahan rangkaian yang membolehkan maklumat lokasi pemanggil dikenal pasti bagi rangkaian tetap dan rangkaian bergerak;**
- e. Bagi perenggan 26, Suruhanjaya meminta ulasan mengenai cadangannya untuk menyatukan pengkalan-pengkalan data supaya ianya selaras bagi membolehkan suatu perkhidmatan bantuan direktori yang menyeluruh dapat diberikan;**
- f. Suruhanjaya ingin mendapatkan ulasan untuk perenggan 27 mengenai kos pelaksanaan PAD yang harus ditanggung oleh PPR. Selain daripada itu, kami juga mengalu-alukan apa-apa cadangan yang munasabah yang boleh dipertimbangkan dalam menangani masalah kos di dalam pelaksanaan PAD.**

# Lampiran A

## Bagaimana PAD Berfungsi didalam Persekitaran AKM – Rekabentuk Am PAD





## Lampiran B

### Kedudukan Perkhidmatan yang diberikan di Malaysia sebelum AKM

#### (1) Perkhidmatan Kecemasan

	Pemegang Lesen	Kecemasan bagi Talian Tetap	Kecemasan bagi Talian Mudah Alih	Kecemasan Maritim
1	TMB	✓	-	✓
2	Maxis	✓	✓	-
3	DiGi	✓	✓	-
4	TM Cellular	-	✓	-
5	Celcom	✓	✓	-
6	Time dotCom	✓	✓	-
7	Mobikom	-	✓	-

#### (2) Perkhidmatan Maklumat Direktori

	Pemegang Lesen	Pertanyaan Direktori (103)	Direktori Bercetak (white and yellow pages)
1	TMB	✓	✓

#### (3) Perkhidmatan Bantuan Operator

	Pemegang Lesen	Khidmat laporan kerosakan Talian Tetap (100)	Panggilan Domestik (101)	Panggilan Antarabangsa (108)	Telegram (104)
1	TMB	✓	✓	✓	✓

## Lampiran C

### Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki (PAD) Semasa di Negara-Negara yang Terpilih

	Negara	Emergency Services				Perkhidmatan Bantuan Direktori	Penyatuan Rangkaian Pengkalan Data Awam	Perkhidmatan Bantuan Operator
		Paramedik	Perkhidmatan Pengawasan Kebakaran	Perkhidmatan Polis	Kecemasan Maritim			
1	USA	✓	✓	✓		✓		✓
2	UK	✓	✓	✓		✓	✓	✓
3	Australia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	New Zealand	✓	✓	✓		✓	✓	✓
5	Canada	✓	✓	✓		✓	✓	✓